



07 SEP, 2025

## Pemilik papan iklan haram pasang CCTV!



Metro Ahad, Malaysia

# Pemilik papan iklan haram pasang CCTV!

**Petaling Jaya:** Sanggup turun padang bagi menjalankan tugas menurunkan papan iklan haram membabitkan syarikat pengeluar kenderaan di Lebuhraya Persekutuan di sini.

Itu tindakan dilakukan Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohamad Zahri Samigon yang sanggup memanjat papan iklan gergasi bagi menanggalkan iklan haram dipasang.

Mohamad Zahri berkata, pihak Majlis Bandaraya Pe-

taling Jaya (MBPJ) sudah memotong bekalan elektrik di lokasi itu dengan bantuan Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebelum ini.

"Namun pemilik papan tanda bertindak berani dengan menggunakan penjana elektrik sebelum ia disita pada 29 Ogos lalu.

"Hari ini (semalam) kita dapatkan mereka menggunakan (panel) solar pula, malah mereka memasang struktur kamera litar tertutup (CCTV) dan perkara

ini seolah-olah mencabar kita.

"Jadi hari ini walaupun hari cuti umum kita akan turunkan iklan ini dan mana-mana struktur dibina tanpa kelulusan," katanya kepada Harian Metro ketika ditemui di lokasi, di sini, tengah malam semalam.

Mohamad Zahri berkata, tidak kira syarikat besar ataupun kecil, pihaknya tidak menghalang untuk mengiklankan produk ma-

sing-masing namun haruslah mematuhi peraturan ditetapkan.

Katanya, sebagai Datuk Bandar beliau bertanggungjawab untuk mengambil tindakan segera bagi mengelakkan perbuatan itu berleluasa.

"Syarikat iklan dari sebesar mana pun kalau mereka nak berniaga yang elok, kita tak menghalang, cuma ikut peraturan,

"Kalau saya sebagai Datuk Bandar tak ambil tindakan, siapa lagi nak ambil tindakan? Kalau orang lain tahu (papan tanda) ini tak ada kebenaran, dia (vendor) buat, vendor lain buat juga nanti."

"Saya tak suka bagi amaran tapi saya suka untuk menasihatkan mana-mana pihak yang nak buat iklan, buat apa ju ada peraturan, kalau tidak ikut akan kena (tindakan)," katanya.

Terdahulu Mohamad Zahri secara peribadi memotong sebahagian daripada kanvas iklan bersaiz 37 meter panjang dan 9 meter tinggi berkenaan.



MOHAMAD Zahri turun padang mencabut iklan tanpa permit yang dipasang di Lebuhraya Persekutuan, Petaling Jaya.